



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.49 (04)  
Tarikh : 17 Februari 2019

## **SIARAN MEDIA**

### **17 FEBRUARI 2019**

#### **PELANCARAN DASAR KOMUNITI NEGARA**

Puchong, 17 Februari 2019 – YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan pelancaran Dasar Komuniti Negara hari ini di Padang Awam Taman Puchong Indah, Puchong, Selangor. Dasar Komuniti Negara ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 23 November 2018.

Dasar Komuniti Negara merupakan dasar untuk memberdaya komuniti setempat supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama serta membangunkan komuniti secara inklusif bagi mencapai kesejahteraan hidup dan pembangunan mampan. Pelaksanaan Dasar Komuniti Negara tertumpu kepada 8 kluster seperti berikut:

- (i) Infrastruktur dan Penyelenggaraan;
- (ii) Kebersihan, Alam Sekitar dan Kesihatan;
- (iii) Keselamatan;
- (iv) Pendidikan, Kesedaran dan Kemahiran;
- (v) Keprihatinan terhadap Golongan yang memerlukan bantuan seperti Wanita, OKU, Ibu Tunggal, Kanak-kanak, Warga Emas, dan Daif;
- (vi) Perkhidmatan Sosial;
- (vii) Keusahawanan dan Perniagaan Sosial; dan
- (viii) Sukan dan Rekreasi.

Terdapat 4 objektif yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Dasar Komuniti Negara iaitu:

- (i) mendaya upaya anggota komuniti supaya mempunyai rasa kepunyaan, prihatin terhadap harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama serta rasa tanggungjawab terhadap komuniti dan kawasan tempat tinggal;
- (ii) membentuk komuniti yang peka terhadap isu-isu komuniti, saling menghormati, menyayangi dan bekerjasama antara jiran tetangga;

- (iii) memupuk kerjasama strategik antara komuniti dengan Kerajaan, NGO dan sektor swasta dalam membangunkan komuniti; dan
- (iv) melahirkan lebih ramai pemimpin dan sukarelawan dalam kalangan komuniti perumahan berstrata.

Dalam usaha penggubalan Dasar Komuniti Negara, KPKT telah mengadakan beberapa sesi libat urus melibatkan kira-kira 400 orang pemegang taruh di peringkat Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa tempatan (PBT), Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan (JMB/MC), badan bukan Kerajaan (NGO), penduduk perumahan berstrata dan individu berkepentingan.

Aspirasi penggubalan dasar ini bermula selepas YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mendapati sering berlaku masalah di kawasan perumahan berstrata berpunca daripada sikap komuniti sendiri. Sehubungan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil inisiatif untuk menggubal Dasar Komuniti Negara bagi menangani isu tersebut.

Pada tahun 2018, KPKT telah memulakan projek rintis pertama Dasar Komuniti Negara melalui Program Mendaya Komuniti dan Perasmian Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti di PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya, Selangor.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*